

Edisi

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

• PENCETUS MINDA GENERASI •

Bil. 4/2019 • NASKHAH PERCUMA • www.mais.gov.my • No. ISSN: 2289 -635X



GENERASI
KEDUA
ASNAF

MS 5

JADILAH ASNAF YANG RAJIN

Orang yang malas sentiasa ada. Malas berusaha. Malas bekerja. Malas memikirkan kehidupan. Mereka menjalani hidup seadanya. Adakah sifat ini digemari Islam?

Samb. • ms/3 >>

KALAM PUJANGGA

Bukan dilarang membuat cita-cita yang baru, tetapi berfikirlah dengan wajar. Yang akan datang itu disyukuri, yang telah ada itu lebih disyukuri lagi.

Petikan kata-kata hikmah dari Prof. Dr. Hamka
Sumber: Buku Renungan Tasawuf

AL-RIQAB
MS 4

PUSAT JAGAAN
MAHMUDAH MALAYSIA

MS 10

SOAL JAWAB
BERKAITAN ISU AGAMA
MS 16



DAULAT TUANKU

SEMOGA ALLAH LANJUTKAN USIA DAN MERAHMATI PEMERINTAHAN TUANKU



**DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan),
D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S., S.R.M.J.

**SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
SERTA SEGALA DAERAH TAKLUKNYA**

Sembah Tahniah Dan Ucap Selamat

**Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-74
Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor
Pada 11 Disember 2019 Bersamaan 14 Rabiulakhir 1441H**

Sembah Takzim Daripada

**PENGERUSI, ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR SERTA WARGA KERJA
JABATAN, AGENSI DAN ANAK SYARIKAT MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**



EDISI
Sidang Editorial

KETUA PENGARANG
Mohd Farid bin Baharon

PENGARANG
Siti Zurinah binti Zainal
Abidin

PENOLONG PENGARANG
Muhammad Syafiq bin
Ahmad Fozi

EDITOR
Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF
Norzaili bin Taib

JURUFOTO
Shahrul Effendy bin Md Saat

WARTAWAN
Halim bin Mokhtar
Ahmad Firdaus bin Muhammad
Hasal bin Senin

KOLUMNIS
Mohd Hafiz bin Abdul Salam
Hamizul bin Abdul Hamid

JADILAH ASNAF YANG RAJIN

<< Samb. • ms/1

Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)**
Pengurus Perundingan Zakat, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)



Ubaidullah bin Adi menceritakan. Pada zaman Nabi Muhammad SAW. Ada dua orang lelaki. Mereka datang bertemu nabi. Niat mereka, mahu mendapatkan bantuan zakat. Kala itu Nabi SAW sedang membahagi sedekah.

Kata dua pemuda itu: "Maka Nabi SAW mengangkat pandangannya melihat kepada kami dan merendahkannya (memandang ke atas dan ke bawah). Lalu baginda mendapati kami orang yang kuat (masih mampu bekerja). Kerana itu bersabdalah baginda: "Jika kamu mahu, aku berikan juga. Sesungguhnya tidak ada bahagian pada zakat itu untuk orang kaya dan untuk orang kuat yang mampu bekerja." (Hadis riwayat Ahmad, Abu Daud dan an-Nasaie)

Nah! Islam milarang zakat disalurkan secara sewenang-wenangnya kepada mereka yang badannya masih sihat. Masih kuat dan mampu bekerja. Apa lagi jika orang itu masih mempunyai harta.

Kenapa Islam milarang? Jawapannya, agar tidak ada yang suka-suka hati mencari jalan mudah. Mentang-mentanglah di dalam Islam ada zakat. Maka, tадahlah tangan. Nescaya keperluan hidup akan terisi. Bahannya, kemiskinan pun diwarisi.

Ibnu Majah melaporkan daripada Anas bin Malik r.a. Seorang lelaki Ansar mendatangi nabi. Dia mahu meminta bantuan. Berlakulah dialog yang panjang. Nabi bertanya adakah dia mempunyai sesuatu di rumahnya yang bisa

dijadikan modal? Dipendekkan cerita. Nabi pun membantu lelaki itu. Dua barangannya dijual. Untungnya dua dirham.

Satu dirham pun dijadikan modal. Dibelikan kapak. Lalu disuruh lelaki itu mencari kayu. Nabi memberikannya tempoh. 15 hari. Kemudian datang lagi bertemu nabi. Bayangkan, nabi menyuruh lelaki itu mencari kayu di Madinah. Sebuah kawasan yang dikelilingi padang pasir. Padang batu yang gersang. Sulit. Namun bukan mustahil. Berlalu 15 hari. Lelaki itu datang. Kini, pada wajahnya merekah senyuman. Dia memberitahu nabi. Di tangannya ada 15 dirham. Hasil jualan kayu api.

Kata nabi: "Sesungguhnya ini adalah lebih baik dari dari kamu datang meminta-minta kerana perbuatan meminta-minta itu akan merosakkan wajah kamu pada hari akhirat. Sesungguhnya meminta-minta itu hanya untuk yang sangat miskin, orang yang kerugian teruk atau darah yang menyakitkan."

Pengajarannya apa? Islam tidak meraikan kemalasan. Biar pun asnaf zakat yang miskin. Namun malas bukanlah alasan. Segala peluang yang tersedia wajib direbut. Kerana itulah anak kunci kejayaan. Jangan sengaja memilih kemiskinan. Malas. Gemar meminta-minta.

Ingatlah pesanan Nabi SAW: "Barang siapa meminta diberikan kepadanya bahagian zakat, pada hal dia (sudah) memiliki kadar (yang) dapat mencukupkan keperluannya, maka orang itu sebenarnya memperbanyakkan api neraka." (Hadis riwayat Ahmad). Wallahua'lam. **Edisi**

AL-RIQAB

Susunan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS

Al-riqab adalah asnaf zakat. Allah SWT menyatakan: "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya (al-riqab), dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana." (at-Taubah: 60)

Antara tafsiran fuqaha' ar-Riqab bermaksud belenggu. Ia tidak bermaksud hamba abdi sahaja. Kini, tafsiran ar-Riqab juga harus meraikan keperluan semasa. Untuk itu, mereka yang terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah juga adalah sebahagian daripada asnaf ar-Riqab.

Atas dasar berkenaanlah, pada tahun 2017, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah memfatwakan harus hukumnya menggunakan wang zakat untuk membantu mereka.

ASNAF AL-RIQAB PERLU DIBANTU

Hasilnya apa? Ya, mereka yang terbelenggu dengan masalah sosial dan akidah boleh dibantu dengan zakat, agar mereka kembali ke pangkal jalan. Mungkin ada yang mempertikaikan. Namun, keputusan berkenaan mempunyai asasnya tersendiri.

Mutakhir ini, permasalahan sosial amat membimbangkan. Lihat kepada peningkatan kes HIV. Pengamal seks songsang. Hamil luar nikah. Peningkatan penagih dadah. Kes penderaan kanak-kanak. Geladangan yang merebak. Peningkatan kaum LGBT, juga pesakit mental akibat daripada penyalahgunaan dadah dan jangan lupa, kian parahnya ajaran sesat.

Pasti kita sedar, majoriti yang terjebak adalah saudara kita, umat Islam. Maka, bagaimana jika ada dalam kalangan mereka yang insaf. Timbul kesedaran lalu mahu kembali ke pangkal jalan? Bukankah mereka memerlukan bimbingan? Bukankah wajar MAIS tampil menghulurkan santunan?

Di sinilah MAIS tampil menggalas tanggungjawab tersebut. Membantu mereka untuk kembali kepada keredaan Allah SWT. Tidakkah ia suatu tugas yang baik?

SYARAT-SYARAT PENERIMA BANTUAN ASNAF RIQAB DAN BAGAIMANAKAH KAEDAH PENYAMPAIAN BANTUAN OLEH MAIS KEPADA ASNAF AL-RIQAB

Biarpun mereka boleh mendapat bantuan zakat, namun ia bukanlah semudah ABC. Fatwa telah menggariskan bahawa, kriteria penerima asnaf al-Riqab itu hendaklah memenuhi perkara berikut:



MAIS melalui Bahagian Pemulihan al-Riqab, telah menjalankan usaha secara sistematik ke arah ini. Bantuan zakat hanya disalurkan kepada institusi, NGO Islam dan individu perseorangan yang sanggup menangani dan menyantuni mereka. Syaratnya, mereka hendaklah terlebih dahulu berdaftar dengan MAIS. Mereka bertanggungjawab mengurus, melindungi, merawat dan memulih asnaf al-Riqab, supaya kembali 'bebas' dari semua pengaruh negatif dan seterusnya mampu menjalani kehidupan dengan lebih sempurna.

Selain itu, MAIS turut menyalurkan bantuan keperluan hidup kepada golongan ar-Riqab ini. Antaranya, bantuan sewa rumah, bantuan kewangan bulanan, kelas bimbingan, modal perniagaan dan juga bantuan perubatan. Semuanya disalurkan melalui mekanisme tertentu. Golongan yang mahu dibantu ini juga wajib memenuhi segala persyaratan sebelum bantuan disalurkan. Ini demi memastikan agar mereka benar-benar dapat berhijrah ke arah kebaikan.

Dengan bantuan itulah, mereka dapat keluar dari lorong gelap kehidupan dan memilih tempat tinggal yang lebih baik. Tidak lagi terdedah kepada elemen negatif yang mampu menjerat mereka kembali ke lembah noda. Ia sekaligus menjadi hijrah mereka agar dapat mendekatkan diri mereka kepada Allah SWT. **Edisi**

GENERASI KEDUA ASNAF

Oleh:

Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
Pengurus Perundingan Zakat, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Kemiskinan bukan warisan. Ia bukanlah harta. Bukan juga pencen. Kemiskinan tidak wajar dibanggakan. Biar pun orang yang miskin tidak khina, namun kemiskinan sering mendatangkan kehinaan. Sebab itulah, Allah SWT menegah. Orang-orang kaya, jangan suka memandang hina. Lalu memberikan sesuatu dengan riak. Sombong. Memandang hina kepada si miskin.

Firman Allah SWT: "Dan terhadap orang yang meminta-minta, janganlah engkau menghardik (mereka)," (ad-Dhuha: 10). Ingat juga: "Jangan rosakkan (pahala) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riak)," (al-Baqarah: 264).

Lembaga Zakat Selangor (LZS) sentiasa berusaha. Kemiskinan wajar ditangani. Sehabis baik. Dengan pelbagai cara. Salah satunya, generasi kedua. Ya, jika ibu bapa sudah keras, maka anak-anak mereka masih lembut. Ibarat rebung. Masih punya masa untuk dilentur.

LZS melihat potensi. Generasi kedua asraf boleh cemerlang. Asal sahaja kena caranya. Kena jalannya. Kena kaedahnya. Mereka kelak, mampu membawa keluarga keluar daripada kemiskinan.

Lalu apa yang LZS inisiatifkan? Banyak sekali. Di antaranya, pendidikan formal. LZS mewujudkan asrama khas untuk generasi kedua ini. Asrama Baitul Hasanah namanya. Sejak 2006, ia berfungsi sebagai transit pendidikan. Anak-anak miskin dikumpulkan. Mereka diberikan kemudahan. Belajar. Tanpa gangguan.



Gambar Hiasan



Gambar Hiasan

Objektifnya jelas. Melahirkan pelajar yang cemerlang dalam sahsiah, akademik dan ko-kurikulum. Menyediakan insan yang kreatif, inovatif dan berkemahiran. Memberi perlindungan, bimbingan, pembangunan diri dan pendidikan kepada anak-anak asraf. Menjaga kebajikan mereka, dan juga menyediakan kemudahan dan persekitaran yang baik serta kondusif.

Tidak sekadar itu. LZS serius dengan mereka yang lain. Bersama Jabatan Pendidikan Selangor (JPS) dijalankan sinergi. Projek Sekolah Angkat Zakat (PROSAZ) menjadi realiti. Program khas. Motivasi. Kelas tambahan. Wang saku. Kursus persediaan. Pelbagai lagi. Dengan harapan. Anak-anak ini tidak merasa diabaikan. Sebaliknya diberikan sokongan.

Sehabis SPM, anak-anak ini terus dipantau. Mereka yang cerdik, langsung ke jenjang pengajian tinggi. Dalam mahu pun luar negeri. Mereka bebas memilih bidang pendidikan. Agama, perakaunan, perubatan dan kejuruteraan. LZS menyediakan dana. Apa yang penting, belajar. Serius mencetak kecemerlangan. Itulah amanah buat mereka. Perjanjian tak tertulis yang tergantung di leher mereka.

Bagi yang kurang pintar. LZS salurkan pendidikan yang sesuai. Kemahiran. Ia lebih serasi. Namun menjanjikan. Mereka disalurkan ke pelbagai bidang kemahiran. Bakeri, penyediaan makanan, elektrik, mekatronik dan automotif. Hakikatnya, kemahiran juga menjamin kejayaan. Ada kalanya, kerjaya mereka lebih rancak. Malah bisa dikembangkan sebagai sebuah perniagaan.

Inilah secebis usaha LZS. Upaya melahirkan generasi kedua asraf sebagai generasi cemerlang. Sebagai generasi yang mampu membawa keluarganya, keluar daripada kepompong kemiskinan. Wallahu'lam. **Edisi**

Keutamaan Menjaga Institusi Keluarga

Susunan oleh: *Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS*
 Sumber: *Unit Khutbah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS*

Institusi keluarga yang segar dengan amalan tegur menegur, nasihat menasihati dan mencegah kemungkaran yang berlaku akan beroleh rahmat Allah SWT. Oleh kerana itu, seorang ketua keluarga bertanggungjawab untuk meletakkan keutamaan menjaga institusi keluarga masing-masing.

Isu-isu keruntuhan akhlak yang berlaku dan dilaporkan akhir-akhir ini semakin membimbangkan. Bermula dengan membiarkan kelakuan tidak bermoral, ketagihan melayari laman web lucah, akhirnya membawa ke perbuatan yang lebih hina seperti zina, sumbang mahram, dan gejala yang sering berlaku dalam rumah tangga atau disebut sebagai "Haruan Makan Anak". Apa yang berlaku seolah-olah mereka tidak mengenal batas-batas antara pahala dan dosa, halal dan haram bahkan tidak mengendahkan ancaman dan azab neraka Allah SWT di akhirat. Amat mengejutkan apabila sebuah akhbar tempatan baru-baru ini mendedahkan tindakan pihak berkuasa menahan dan mendakwa seorang bapa yang telah melakukan 105 tuduhan rogol dan liwat terhadap anak kandung sendiri. Jika begini, apa lagi harapan seorang anak terhadap bapanya? Adakah seorang bapa terlalu jahil akan tanggungjawab dan perannya?

Seorang bapa adalah ketua, pelindung, tempat bertaut, tempat penyubur kasih sayang dan pemimpin tangan keluarga ke syurga. Malang seribu kali malang, jika seorang bapa sanggup mengabaikan tanggungjawab menjaga anak sendiri. Malah ada yang enggan memberi nafkah dan kasih sayang yang diharapkan, bahkan terjebak dengan pujuk rayu syaitan sehingga tergamak merugut maruah anak sendiri, melacurkan isteri, merosakkan nasab, menjadikan isteri atau anak sebagai keldai dadah dan

Gambar Hiasan



melakukan kekerasan fizikal terhadap isteri dan anak. Firman Allah SWT dalam surah Al-Tahrim ayat 6:

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan."

Institusi keluarga cemerlang akan berjaya menghasilkan generasi baru muslim yang unggul. Sebaliknya, jika keadaan keluarga porak peranda, harubiru, kacau-bilau dan tiada hala tuju, pastinya tidak akan mampu melahirkan generasi muslim yang diharapkan. Firman Allah SWT dalam surah al-Syura' ayat 214:

"Dan berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabatmu yang dekat."

Justeru, marilah kita menanam azam dan menguatkan tekad untuk menjadi ketua keluarga yang memberi keutamaan menjaga institusi keluarga masing-masing. Insafilah bahawa kewajipan dan tanggungjawab terhadap keluarga adalah merupakan suatu amanah Allah yang melibatkan soal dosa dan pahala. Mereka yang mencuaikan amanah tersebut akan dihukum dan diseksa dengan seksaan yang amat berat di akhirat nanti. Berdoalah agar kita dapat memimpin ahli keluarga menjadi orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Beberapa panduan berikut untuk dijadikan panduan hidup kita:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa institusi keluarga adalah satu amanah yang telah diperintahkan oleh Allah SWT untuk dijaga dengan sebaik-baiknya.
2. Umat Islam hendaklah menjauhi sebarang perlakuan keji yang boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan.
3. Umat Islam hendaklah memperkasa institusi keluarga masing-masing dengan aktiviti yang bermanfaat untuk memperkuatkan ikatan kasih sayang. **Edisi**

PENOLONG AMIL KARIAH (PAK) - LZS

Oleh:

Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
Pengurus Perundingan Zakat, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Apa itu penolong amil?

Penolong Amil adalah individu yang bernaung di bawah masjid dan dilantik oleh lembaga zakat Selangor (LZS) bagi memudahkan urusan agihan bantuan asnaf dan kutipan Fitrah/Padi di Selangor.

LZS mewujudkan tiga kategori jawatan penolong amil di dalam kariah di seluruh negeri Selangor iaitu:

i) Penolong Amil Fitrah

- Dilantik bagi menguruskan kutipan zakat Fitrah pada Bulan Ramadan sahaja di setiap kariah masjid dan pasaraya/syarikat yang terpilih.

ii) Penolong Amil Padi

- Dilantik bagi menguruskan kutipan zakat padi di daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam sahaja.

iii) Penolong Amil Kariah

- Dilantik bagi menguruskan siasatan asnaf baru dan asnaf sedia ada di setiap kariah masjid.

Apakah perlantikan mereka diiktiraf di sisi undang-undang?

Ya. Sila rujuk:

PERATURAN-PERATURAN ZAKAT DAN FITRAH (NEGERI SELANGOR) 2012

BAHAGIAN IV - PELANTIKAN KETUA PENOLONG AMIL FITRAH, PENOLONG AMIL FITRAH, KETUA PENOLONG AMIL KARIAH, PENOLONG AMIL KARIAH, PENOLONG AMIL PADI, PENOLONG AMIL INSTITUSI DAN EJEN ZAKAT

Peraturan 8. Pelantikan Penolong Amil Kariah

(1) Lembaga hendaklah, secara bertulis, melantik apa-apa bilangan Penolong Amil Kariah bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

(2) Penolong Amil Kariah yang dilantik hendaklah memegang jawatannya selama tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.



(3) Penolong Amil Kariah yang dilantik hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Lembaga.

(4) Tugas Penolong Amil Kariah ialah:

- (a) menjalankan banci ke atas orang beragama Islam dalam suatu kariah masjid tertentu yang layak menerima zakat dan fitrah;
- (b) memantau kebajikan asnaf fakir, miskin dan muallaf dalam suatu kariah masjid tertentu; dan
- (c) menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga.

Bagaimana LZS berperanan bersama PAK?

LZS melakukan projek rintis dinamakan Projek At-Ta'awun. Ia bermula pada tahun 2017.

Melalui projek ini, LZS membangunkan sistem pengurusan penolong amil kariah dengan menyusun gerak kerja lebih sistematik dan efisien bagi menyantuni asnaf di Selangor.

Ini termasuklah memperkasakan peranan PAK sebagai 'pemudahcara' antara Zakat Selangor dengan masyarakat terutama asnaf.

PAK diberikan kursus yang sesuai untuk membantu LZS di lapangan.

Apakah tugas dan peranan PAK?

PAK yang dilantik oleh pihak masjid diberi tanggungjawab dalam membantu LZS melakukan proses membanci dan menyiasat secara terus kepada masyarakat dibawah kariah mereka.

Mereka juga bertanggung jawab memberikan perakuan mengenai status bancian berkenaan. Sehingga akhirnya melayakkan orang yang dibanci diiktiraf sebagai asnaf fakir, miskin ataupun tidak.

Wallahu'lam. **Edisi**



HIV

Susunan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS

Sumber: <http://jknkl.moh.gov.my>

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKNKL)



Apa itu HIV dan AIDS?

HIV adalah sejenis virus yang akan memasuki / menyerang badan seseorang dan menyebabkan AIDS. Ini boleh mengakibatkan pesakit mudah mendapat jangkitan kuman dan kanser. AIDS adalah singkatan bagi *Human Immunodeficiency Virus* adalah virus yang memusnahkan sistem ketahanan badan. Pada tahun 2003, terdapat 40 juta orang menghidap penyakit HIV/AIDS di seluruh dunia, di mana 5 juta orang baru dijangkiti manakala 3 juta maut. Rujuk: <http://www.unaids.org/>.

Bagaimana HIV mudah dijangkiti?

MELALUI CECAIR BADAN SEPERTI:



HIV BOLEH MEREBAK MELALUI:



Bagaimakah HIV tidak boleh merebak?

Virus HIV adalah virus yang lemah, tidak bertahan diluar badan manusia. HIV tidak boleh dijangkiti melalui:

- pesakit AIDS
- Sentuhan seperti duduk bersebelahan, berjabat tangan, memeluk atau bekerja dengan pengangkutan awam
- Berkongsi kemudahan awam seperti telefon awam, kolam renang, tandas
- Berkongsi perkakas atau makanan dengan seorang pesakit AIDS
- Bersin, batuk, berpeluh atau kencing
- Gigitan nyamuk

Apakah tanda-tanda jangkitan HIV?

Sebilangan pesakit mengalami gejala-gejala berikut dalam masa 2-6 minggu selepas dijangkiti kuman HIV:

- Demam
- Sakit tekak dan batuk
- Sakit otot
- Sakit kepala
- Cirit-birit
- Bengkak kelenjar limfa
- Letih
- Ruam
- Sakit sendi
- Pada peringkat awal, selalunya pesakit kelihatan sihat tetapi dirinya HIV positif. Walaupun pesakit tidak mempunyai tanda-tanda AIDS, tetapi ia boleh merebak dan menjangkiti orang lain.
- Turun berat badan

Apakah gejala-gejala jangkitan HIV?

Pesakit HIV mudah untuk mendapat jangkitan kuman disebabkan sistem ketahanan badan lemah. Sekiranya tidak mendapatkan rawatan, gejala AIDS akan muncul dalam 8-10 tahun. Gejala-gejala tersebut adalah seperti berikut:

- Penyakit kulit dan jangkitan sistem pernafasan
- Cirit-birit yang kronik, jangkitan bakteria yang teruk dan batuk kering
- Jangkitan kuman pada otak (contohnya toxoplasmosis)
- Jangkitan kulat (contohnya candidiasis pada saluran makanan atau sistem pernafasan)
- Dalam masa 2 tahun, pesakit AIDS boleh dijangkiti jangkitan kuman yang teruk, susut berat badan dan lemah.
- Kanser (contohnya *Kaposi's sarcoma*)

Bagaimakah untuk mengetahui sama ada dijangkiti HIV?

- Ujian Antibodi HIV terdapat di mana-mana klinik atau hospital. Ujian segera (keputusan selama 10 minit) juga boleh didapati. Maklumat individu akan dirahsiakan.
- Ibu mengandung yang mendapatkan pemeriksaan di klinik ibu mengandung akan menjalani ujian antibodi HIV.
- Kaunseling sebelum dan selepas menjalani ujian akan diberikan.
- Rawatan

Adakah ubat untuk menyembuhkan HIV/AIDS?

Tidak, masih tiada lagi ubat untuk merawati HIV/AIDS. Walaubagaimanapun, penggunaan ubat anti-virus HIV dapat melambatkan proses penyakit ini. **Edisi**

NHI lwn MZN

PERMOHONAN CERAI FASAKH

Penulis: Siti Zurinah Binti Zainal Abidin (zurinah@mais.gov.my)

Pengurus Kesetiausahaan

Sumber: www.jakess.gov.my

Fasakh ialah melepaskan ikatan perkahwinan antara suami dan isteri melalui kuasa hakim di atas sebab-sebab yang diharuskan. Antara sebabnya seperti kehilangan suami tanpa diketahui keadaannya sama ada hidup atau mati ataupun salah seorang daripada suami atau isteri murtad dan sebagainya.

Hak untuk memohon fasakh terpakai kepada kedua-dua suami dan isteri. Namun secara amalannya, hak fasakh diberikan kepada isteri memandangkan suami mempunyai hak untuk melafazkan talaq.

Dalam undang-undang di negara kita, kuasa memfasakhkan sesuatu perkahwinan dilakukan oleh Hakim Mahkamah Syariah. Mahkamah yang berbidangkuasa ialah Mahkamah Rendah Syariah.

Sebenarnya suami dan isteri kedua-duanya boleh menuntut fasakh di mahkamah. Suami juga mempunyai alasan-alasan yang membolehkan dia menuntut fasakh. Kenapa? Kerana kesan fasakh adalah berbeza dari perceraian biasa.

Kesan ini menyebabkan fasakh berbeza dari perceraian secara biasa. Apabila hakim menjatuhkan fasakh terhadap suami atau isteri, maka talak yang gugur ialah TALAK BAIN SUGHRA. Ini bermakna bekas suami dan isteri tidak boleh merujuk semula dan tidak boleh berkahwin semula melainkan dengan akad nikah yang baru.

RINGKASAN KES

Kes ini adalah tuntutan cerai fasakh yang difailkan oleh Plaintiff (isteri) pada 21 September 2017. Plaintiff dalam kes ini NHI beralamat di XXX, Puchong, Selangor. Defendan (suami), MZN juga beralamat di XXX, Puchong Selangor.

Plaintiff dan Defendan telah bernikah pada 24 Jun 2013 di Masjid Nurul Huda, Batu 13, Puchong Selangor. Hasil perkahwinan tersebut, pihak-pihak tidak dikurniakan anak.

Plaintiff telah memfailkan tuntutan cerai fasakh berdasarkan alasan-alasan berikut:

- Defendan telah bertindak untuk keluar rumah pada 21 Disember 2016 sehingga kini (12 September 2017 – tarikh kes difailkan) tanpa mengambil tahu hal Plaintiff;
- Defendan telah cuai dan gagal memberikan nafkah zahir pada Plaintiff melebihi tempoh 3 bulan sejak 21 Disember 2016 hingga kini (12 September 2017 – tarikh kes difailkan); dan
- Defendan telah bertindak membawa keluar barang-barang dalam rumah tanpa keizinan Plaintiff walhal barang-barang tersebut adalah milik Plaintiff.

UNDANG-UNDANG YANG DIRUJUK

- Arahan Amalan No. 1 Tahun 2003.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 – s. 121 (1) (b), s.121 (2).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003 – s. 62 (2) (b).

- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 – s.44, s.45, s.53 (1) (b).

AL-QURAN YANG DIRUJUK

- Surah Al-Baqarah : Ayat 231
- Surah Al-Nisa' : Ayat 19 dan 34

KEPUTUSAN

- Mahkamah mensabitkan aduan Plaintiff bahawa Defendan telah gagal mengadakan nafkah zahir kepada Plaintiff sejak Disember 2016 hingga penyata tuntutan fasakh dimasukkan pada 21 September 2017, maka dengan ini Mahkamah bubarkan perkahwinan antara Plaintiff: NHI dengan Defendan MZN secara fasakh mulai hari ini 6 September 2018 jam 12.09 tengahari secara talak *bain sughra* berdasarkan seksyen 53(1) (b) Enakmen UndangUndang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003.
- Mahkamah memerintahkan Plaintiff supaya menjalani tempoh iddah selama 3 kali suci mulai hari ini.
- Mahkamah memerintahkan perceraian ini didaftarkan di Pejabat Agama Islam Daerah Petaling dan Surat Perakuan Nikah Negeri Selangor bil daftar: XX/2017(SAL.XXXXXX/2013), no siri : XXXXX dipulangkan dan dibatalkan. **Edisi**

PUSAT JAGAAN MAHMUDAH MALAYSIA

Susunan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS

Sumber: <https://www.facebook.com/Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia/>

Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia merupakan sebuah Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGO) yang telah berdaftar di bawah Majlis Agama Islam MAIS. Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia bertempat Lot 459/5, Kampung Sungai Purun, Batu 1 ½, Jalan Bangi, 43500 Semenyih Selangor.

usat Jagaan Mahmudah Malaysia ditubuhkan pada tahun 2015 dan 2017 diterima menganggotai NGOi MAIS, kini telah menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan bimbingan fardu ain, kaunseling, kelas al-quran, ceramah kerohanian dan lain-lain program.

Objektif penubuhan Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia adalah:

1. Untuk menempatkan penghuni-penghuni terdampar lelaki dan wanita miskin yang tiada tempat tinggal. Penghuni yang dicadangkan adalah seperti berikut:
 - a) Penghuni terdampar tanpa waris.
 - b) Orang kurang upaya
 - c) Warga emas
 - d) Mangsa bencana alam
 - e) Muallaf
2. Untuk memenuhi keperluan penempatan sementara dan kekal bagi penghuni miskin, tidak berkemampuan serta tidak mempunyai saudara mara atau bermasalah sosial.
3. Mengatasi masalah keperluan katil di hospital bagi pesakit-pesakit yang menerima rawatan jangka masa panjang tetapi tidak memerlukan mereka tinggal dalam wad. Jika tidak diatasi, akan mengakibatkan kepadatan wad dan boleh terdedah kepada risiko jangkitan penyakit. Sebaliknya pesakit ini hanya perlu mendapatkan rawatan pesakit luar di hospital dan keadaan inilah memerlukan tempat tinggal sementara sehingga mereka pulih sepenuhnya atau boleh berdikari.
4. Sebagai transit kepada kes-kes terdampar sehingga waris dapat dikesan atau penempatan kekal yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Badan Bukan Kerajaan yang berkaitan.
5. Mewujudkan suasana hormoni dan hubungan ukhwah dalam kalangan pihak pengurusan, penghuni serta ahli masyarakat yang berteraskan nilai-nilai murni dan masyarakat penyayang.
6. Menjalankan tanggungjawab sosial bagi membantu kerajaan menangani masalah sosial khususnya dari segi keperluan penempatan. **Edisi**



Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah
Negeri Selangor



Pertandingan ‘Spelling Bee Dan Spell It Right’ Sempena Bulan Membaca MAIS 2019

SHAH ALAM 12 Oktober – Bersempena dengan Bulan Membaca MAIS 2019, Pusat Pengetahuan MAIS telah mengadakan Pertandingan ‘Spelling Bee dan Spell It Right’ sebagai salah satu langkah untuk memberikan informasi baru serta menarik minat pengunjung menjadikan Perpustakaan Wakaf MAIS sebagai tempat mencari ilmu pengetahuan.

Pertandingan ini terbuka kepada anak-anak pegawai MAIS serta orang awam. Seramai 4 orang peserta kanak-kanak telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini dan 7 orang peserta bagi kategori dewasa. Peserta yang mendapat tempat pertama, kedua dan ketiga akan menerima hadiah hamper. [Edisi](#)

Majlis Pentaulahan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Tahun 2019

SHAH ALAM 21 Oktober 2019 - Tahniah diucapkan kepada penerima Tauliah Akrab dan Jurulatih Utama pementoran yg telah menerima sijil tauliah serta urus setia Team Akrab JAKESS yang turut terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sempena Majlis Pentaulahan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Tahun 2019. Majlis tersebut telah diadakan di Dewan Jubli Perak SUK Selangor dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. [Edisi](#)

MAIS Anjur Taklimat “Syiah – Satu Ancaman Akidah”

SHAH ALAM 21 Oktober – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menganjurkan program Taklimat Syiah – Satu Ancaman Akidah bertempat di Hotel De Palma.

Taklimat ini diadakan bagi menjunjung Titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor supaya diberikan taklimat penerangan berkaitan syiah kepada semua Exco, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ketua-Ketua Jabatan di Negeri Selangor.

Program selama setengah hari ini turut dihadiri oleh Ketua-ketua Jabatan Sektor Awam dan Swasta seluruh Selangor, Pihak Berkusa Tempatan (PBT) serta Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGO-i) yang berdaftar di bawah MAIS bertujuan memberi kefahaman dan pendedahan kepada peserta tentang bahayanya syiah di kalangan umat Islam masa kini. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor



Sumber : Kolej Universiti
Islam Antarabangsa Selangor



Karnival Sukan Guru JAIS Dan Kakitangan PAID/ILDAS Peringkat Daerah Sabak Bernam Tahun 2019

SABAK BERNAM 2 November 2019 - Pejabat Agama Islam Daerah Sabak Bernam dengan jayanya telah mengadakan Karnival Sukan Guru JAIS Dan Kakitangan PAID/ILDAS Peringkat Daerah Sabak Bernam Tahun 2019 bertempat di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MiTS) Sabak Bernam.

Dengan berslogan "Sukan Penjalin Ukhwah, Melestarikan Kesihatan", karnival sukan ini berjalan dengan lancar dan adil. Acara yang dipertandingangkan adalah Perbarisan Kontijen, Ping-Pong, Karom, Bola Jaring dan Bola Tampar. Kontijen terdiri daripada zon utara/ILDAS, zon selatan, zon tengah dan PAID/MITs. Seramai 152 orang peserta yang terlibat bagi menjayakan karnival ini. [Edisi](#)

PGSM & KUIS Anjur Bicara Bicara Pasca RUU Profesional Guaman Syarie

BANDAR SERI PUTERA 9 Ogos 2019 - Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) dengan kerjasama Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) telah menganjurkan program Bicara Pasca Rang Undang-Undang Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 untuk memberikan penerangan dan penjelasan berkaitan pasca RUU Profesional Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019 dan Dewan Negara pada 31 Julai 2019.

Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama), Yang Berhormat Datuk Seri Dr Mujahid Bin Yusof dan turut sama Timbalan Rektor Pengurusan Korporat KUIS, Dr Zulkifli bin Hj Abd Hamid yang merupakan Pemangku kepada Rektor KUIS dan Presiden PGSM, Tuan Musa bin Awang serta barisan ahli panel yang ternama dan berpengalaman dalam bidang perundangan. [Edisi](#)



Sepang Diumumkan Sebagai Daerah Terbaik PSRA 2019

SHAH ALAM 20 November 2019 – Daerah Sepang diumumkan sebagai daerah terbaik PSRA peringkat Negeri Selangor bagi tahun 2019 dengan catatan GPS 2.60. Demikian yang telah diumumkan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, Sahibus Saadah Tuan Haji Mohd Shahzihan Bin Ahmad di dalam satu Majlis Pengisytiharan Keputusan Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) yang telah diadakan di Auditorium Dahlia, Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Beliau juga mengumumkan terdapat penurunan pada peratus pencapaian keseluruhan Peperiksaan PSRA pada tahun ini iaitu 90.13% turun sebanyak 2.77% berbanding 92.9% pada tahun lalu. Walaubagaimanapun penurunan tersebut bukanlah pencapaian terendah untuk tempoh 5 tahun terakhir selama peperiksaan tersebut dilaksanakan kerana ianya masih dalam kerangka cemerlang (90%).
[Edisi](#)



Sumber : Lembaga Zakat Selangor



Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



LZS Bantu Kakitangan Syarikat Utusan Melayu Yang Layak

SHAH ALAM 24 Oktober 2019 – Menurut Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan M. Yusop, “Pemohon (kakitangan Utusan Melayu) boleh mendapatkan maklumat berkaitan jenis bantuan dan borang permohonan bantuan zakat sama ada melalui PAK atau cawangan LZS. Proses permohonan sama seperti permohonan pemohon lain dan ia tertakluk kepada syarat umum kelayakan zakat serta haddul kifayah (garis penentuan kemiskinan).”

Antara syarat umum yang ditetapkan ialah pemohon terdiri daripada warganegara Malaysia yang beragama Islam, lahir dan menetap di Selangor atau bermastautin



Dakwah ‘Zakat Street On Wheels’ Dekati Masyarakat

SHAH ALAM 9 November 2019 – Lembaga Zakat Selangor (LZS) menganjurkan program dakwah ‘unik’ Zakat Street On Wheels bagi meluaskan kesedaran zakat dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda.

Program yang mendapat kerjasama dari Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) ini bertujuan untuk menyampaikan maklumat zakat dengan cara mudah dan ringan selain mendekati masyarakat yang tidak berkesempatan untuk datang ke kaunter-kaunter LZS.

Melalui pendekatan santai, program ini menampilkan pendakwah dan selebriti tanah air yang sama-sama turun padang memeriahkan acara. Antara aktiviti yang turut diadakan termasuk persembahan artis daripada Daqmie, Andy Flop Poppy dan Afad & Friends.


Turut diadakan kick-off Zakat Di Hati 2019 bagi menanam roh zakat dalam kalangan masyarakat agar kesedaran tentang kewajipan berzakat dapat disampaikan kepada golongan sasar. Penganjuran Kempen Zakat Di Hati merupakan kali ke-8 diadakan, dilihat sebagai medium

dan masih menetap di Selangor tidak kurang dari tiga tahun. **Edisi**

BERITA MALAYSIA

Utusan tutup operasi hari ini

Firdaus Azli, Astro Awani | Oktobre 09, 2019 10:34 MYT



Abd Aziz berkata lembaga pengarah tiada jalan lain melainkan menutup terus operasi, dan meletakkan tumpuan kepada usaha menyelesaikan hutang.

KUALA LUMPUR: Lembaga Pengarah Utusan Berhad (Utusan) membuat keputusan mematuhi syarikat itu hari ini.

Dalam satu memo dalam yang diedarkan ke syarikat pada Rabu, pengurus eksekutifnya, Abd Aziz Sheikh Fadzir berkata Lembaga Pengarah Utusan telah meluluskan cadar Penggulungan Sukarela Piemutang (Creditor Liquidation).

menyebarluaskan informasi berkaitan kutipan dan agihan zakat kepada masyarakat di Selangor. Ia bermula 1 November hingga 15 Disember ini dengan menyediakan pelbagai aktiviti menarik untuk masyarakat Islam di Selangor.

Dalam program yang sama, LZS turut menyampaikan pelbagai bantuan zakat berjumlah RM78,122.00 kepada lima individu di daerah Petaling. Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan M. Yusop dan Ketua Divisyen Kutipan LZS, Mohd Sabirin Mohd Sarbini. **Edisi**

YIDE anjur berkhatan perdana 2019

SHAH ALAM 26 November 2019 - Kemeriahan Program Berkhatan Perdana bersama kanak-kanak asnaf dan anak-anak yatim YIDE 2019 telah diadakan di Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong.

Seramai 80 orang kanak-kanak telah dikhatakan dengan kerjasama doktor pakar bedah, penolong pegawai perubatan MSUMC dan alumni perubatan MSU dengan menggunakan kaedah *diathermy*. **Edisi**



SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI SEMBILAN BELAS)

أوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن
منشي ديوان (جاوي)

KAEDAH PENULISAN JAWI PADA PERKATAAN KATA JATI MELAYU. VOKAL BERGANDING DENGAN HAMZAH (AU)

Kita masih lagi membicarakan vokal berganding atau rangkap vokal. Tetapi tajuk kita kali ini ialah vokal berganding “au”. Vokal berganding “au” ialah dua huruf yang berturutan vokal “ui” dalam satu perkataan dan disebut dengan dua suku kata. Kaedah mengeja vokal berganding “au” dalam tulisan jawi ialah dieja dengan meletakkan hamzah pembeza.

Contoh vokal berganding ‘ui’ ialah:

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
baur	باءور	maung	ماءوغ
baung	باءوغ	naung	ناءوغ
haus	هاءوس	pauh	فاءوه
jauh	جاءوه	paut	فاءوت
kaut	كاءوت	paus	فاءوس
kaup	كاوُف	raung	راءوغ
Lauk-pauk	لاؤق فاءوق	sauk	ساءوق
laung	لاءوغ	sauh	ساءوه
laut	لاءوت	taup	تاءوق

Fungsi hamzah ialah sebagai pembeza maksud, iaitu membezakan dua bunyi yang berlainan maksud apabila huruf hamzah tidak dituliskan.

Contohnya perkataan ‘sauh’, jika dieja mengikut padanan huruf, dieja seperti ini ‘سأوه’ bila dibaca bunyi ‘sawah’, bukan ‘sauh’. Untuk menghasilkan bunyi ‘sauh’ maka diletakkan ‘ء’ selepas huruf alif ‘ء’. Mari kita lihat perbezaan bunyi jika tidak diletakkan hamzah pembeza.

baung	باءوغ	(bawang)
kaut	كاءوت	(kawat)
laut	لاءوت	(lawat)

RINGKASAN KHUTBAH JUMAAT

“BARAKAH YANG HILANG”

Susunan oleh: Bahagian Komunikasi Korporat MAIS
Sumber: Unit Khutbah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS

د انتارا فركارا يغ سريغ مغوندغ گوندھ د هاتي کيت اياله کچوكوفن هرتا، هرتا يغ منچوكوفي اداله انتارا ڤونچا کسجهتراءن هيدوف، دعن هرتا، کيت دافت ممبينا کلوارگ دان مپياکن گلغثن ترباعيق، رومه يغ سليسا، کندراءن يغ باعيق، ماکن يغ برخصية، فنديدقن يغ ترجمين دان کصيحتن يغ ترجالك،

اومنت إسلام هندقله يقين بهاوا هرتا يغ حلال دان برکة سهاج اكن منجامين سساعورغ ايت دافت منعمتي کهيدوفن يغ درضاءي الله سبحانه وتعالى،

اومنت إسلام هندقله مغناهوءي بهاوا انتارا ڤونچا هيلعش کبركتن دالم هرتا اداله اقبيلا برلاكون ڤتاباين منوناين زکاة،

اومنت إسلام هندقله براوسها منجاد يكن ديريش ساورغ يغ بنر ۲ برایمان دان برتفوى کقد الله سبحانه وتعالى يغ مروفاکن شرط اوتم معقوليه کبركتن دالم هيدوفش،

Di antara perkara yang sering mengundang gundah di hati kita ialah kecukupan harta. Harta yang mencukupi adalah antara punca kesejahteraan hidup. Dengan harta, kita dapat membina keluarga dan menyediakan kelengkapan terbaik. Rumah yang selesa, kendaraan yang baik, makanan yang berkhasiat, pendidikan yang terjamin dan kesihatan yang terjaga.

Umat Islam hendaklah yakin bahawa harta yang halal dan berkat sahaja akan menjamin seseorang itu dapat menikmati kehidupan yang direndai Allah SWT.

Umat Islam hendaklah mengetahui bahawa antara punca hilangnya keberkatan dalam harta adalah apabila berlakunya pengabaian menunaikan zakat.

Umat Islam hendaklah berusaha menjadikan dirinya seorang yang benar-benar beriman dan bertakwa kepada Allah SWT yang merupakan syarat utama memperoleh keberkatan dalam hidupnya. **Edisi**

TIPS KEJAYAAN DA'I ADAM JUARA DA'I PENDAKWAH NUSANTARA MUSIM KE 6

Suntingan:

Halim bin Mokhtar (halim@kuis.edu.my)
Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam KUIS

Rancangan realiti TV3, Da'i Pendakwah Nusantara Musim ke-6 telah mengurniakan pengiktirafan yang tertinggi kepada seorang muallaf yang berjaya memberikan sumber inspirasi dan motivasi kepada asnaf muallaf. Kejayaan ini merupakan suatu kenangan yang manis daripada hanya "cuba-cuba" untuk mengikuti uji bakat akhirnya berjaya menjadi seorang juara dalam rancangan tersebut.

Dengan perasaan hanya sebagai *reverted-muslim* yang masih mendalami ilmu dan serba kekurangan. Namun perancangan Allah melebihi segalanya sehingga terpilih sebagai salah seorang peserta program tersebut. Tiada siapa pernah menyangka seorang anak muda *muallaf* yang sangat berbakat mampu pergi sejauh ini. Dai Adam telah melakarkan sejarah *muallaf*. Berikut beberapa tips kejayaan beliau untuk dikongsi bersama.

- Banyakkan Bertanya.** Sentiasa bersifat jangan pernah malu dalam menuntut ilmu. Jika tidak faham, terus bertanya. Sebagai seorang penuntut ilmu, kefahaman terhadap ilmu yang dipelajari adalah sesuatu keutamaan. Sangat rugi jika menghabiskan bertahun-tahun menuntut ilmu tetapi tidak memahami dan mendalami ilmu yang dipelajari. Faham dan amal.
- Jangan Memandang Rendah Pada Orang Lain.** Sentiasa melihat setiap insan memiliki kelebihannya tersendiri dan rezeki yang Allah telah tetapkan. Kita sering memandang rendah kepada orang lain sedangkan tanpa kita sedar bahawa setiap individu mempunyai keistimewaan tersendiri. Alangkah baiknya kita menghormati sesama kita agar hidup dalam suasana yang lebih damai dan harmoni. Sentiasa menjaga hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia. Belajarlah untuk menghormati sesama insan. Jangan sombong dan riak.
- Berkongsi Ilmu.** Sentiasa menjadikan ilmu untuk dikongsi dan disampaikan. Kita tidak akan rugi bahkan akan sangat beruntung. Apabila kita berkongsi ilmu yang baik, perbuatan itu sebenarnya adalah amalan yang akan berterusan walaupun apabila kita telah meninggal dunia. Amalkan slogan "*be the best and invite the rest*". Jadilah yang terbaik, ajaklah orang lain untuk menjadi terbaik bersama kita.
- "Walk The Talk"** Sentiasa mengaplikasi apa yang dipelajari dalam kehidupan sehari-hari. Pastikan sentiasa memberikan contoh yang terbaik kepada orang lain. Perkataan mesti seiring dengan tindakan. Jauhi perbuatan "cakap tak serupa bikin" kerana ianya akan memberi kesan yang negatif dalam hidup bermasyarakat khususnya buat diri kita.

5. **Berdoa Dan Perbaharui Taubat.** Sentiasalah berdoa dan memohon pertolongan daripada Allah serta perbaharui taubat setiap hari. Terlalu banyak meminta kepada Allah tetapi terlalu sedikit bertaubat kepada Allah. Segala yang berlaku adalah atas izin dan redha Allah. Carilah redha Allah dalam setiap langkah dan tindakan kita. Mohonlah doa daripada sahabat-sahabat dan guru-guru kita semoga berjaya dalam kehidupan ini.

6. **Jangan Lupa Diri.** Sentiasalah ingat asal usul kehidupan kita. Jangan pernah lupa bagaimana kepayaan dan kesusahan yang pernah kita alami supaya kita tidak menjadi seorang yang cepat meninggi diri. Sentiasa menjaga akhlak dan yang paling penting sentiasa ingat akan status kita sebagai hambaNya.

7. **Berbuat Baiklah Walaupun Suatu Perkara Yang Mudah.** Sentiasa istiqamah. Walaupun kadang-kadang kita telah berusaha bersungguh-sungguh tetapi kita masih merasa susah dan terbebani. "Berbuat baiklah walaupun benda-benda *simple*. Sama ada kepada manusia atau makhluk Allah yang lain. Permudahkan urusan orang lain, Allah akan permudahkan urusan kita". Berbuat baiklah walaupun hanya memberi makanan kepada seekor kucing!

Sekadar perkongsian. Segala yang terbaik adalah daripada Allah. Semoga bermanfaat. Salam Ukuhuhahillah.
Edisi



Biodata:

Nama: Muhammad Adam Muhibullah Bin Abdullah

Nama lama: Dizzy Reo Fernando Moralez

Agama asal: Kristian

Tarikh Memeluk Islam: 19 Oktober 2010

Tempat Lahir: Hospital Besar Ranau, Sabah

Pendidikan: Sekolah Kebangsaan Kaung, Kota Belud

Sabah, Sekolah Kebangsaan Mak Mandin, Butterworth

Pulau Pinang, Sekolah Menengah Kebangsaan Batu

Unjur, Klang Selangor Darul Ehsan, Institut Dakwah

Islamiah Perkim, Pengkalan Chepa Kelantan Darul Naim,

Kini sebagai Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Dakwah

Dengan Pengurusan Sumber Insan Kolej Universiti Islam

Antarabangsa Selangor (KUIS)

Kejayaan: Juara Dai Pendakwah Nusantara Musim ke-6

rancangan realiti TV3 2018

Soal Jawab Berkaitan Isu Agama

Susunan oleh: *Bahagian Komunikasi Korporat, MAIS*

1. PEMEGANG AMANAH DAN WASIAT SI MATI

Assalamualaikum, saya ada sedikit persoalan mengenai pemegang amanah kepada harta si mati. Saya dan ibu saya merupakan seorang pemegang amanah yang telah dilantik oleh Mahkamah kepada harta arwah kakak saya. Untuk pengetahuan, arwah kakak saya merupakan ibu tunggal sewaktu hidup dan mempunyai 4 org anak lelaki yang kesemuanya di bawah umur. Selepas kematian arwah terdapat harta yg ditinggalkan oleh si mati seperti rumah sewa dan duit hadiah pampasan simati dan lain-lain.

Persoalan saya adakah boleh saya menggunakan sejumlah duit arwah untuk disedekahkan kepada orang miskin atau membuat wakaf pada masa yang sama kebajikan anak-anak si mati langsung tidak terabai dan keperluan mereka semua cukup dijaga. Semasa arwah masih ada beliau pernah berpesan kepada saya untuk sedekahkan hartanya kepada orang yang memerlukan sekiranya dia meninggal dunia. Mohon pencerahan.

Terima kasih.
Puan Nor Asma binti Ibrahim

Jawapan:

Waalaikumussalam wbt.
Terima kasih di atas persoalan yang diajukan.

Sekiranya arwah kakak memang ada membuat pesanan kepada puan sama ada secara lisan atau bertulis untuk sedekahkan hartanya kepada orang-orang yang memerlukan, ia dikategorikan sebagai wasiat. Wasiatnya hendaklah dilaksanakan tidak melebihi 1/3 harta daripada harta pusaka arwah. Contohnya jika harta arwah kesemuanya berjumlah RM100,000.00, bermakna hanya RM33,333.33 sahaja yang boleh disedekahkan. Bakinya adalah hak waris-waris iaitu anak-anak arwah dan ibu arwah.

Semoga Allah SWT mengurniakan ganjaran dan pahala kepada amal jariah arwah kakak dan memberkati hidup puan dan ibu kerana melaksanakan amanah arwah kakak.

Wallahu a'lam.

2. ISU HARTA PUSAKA

Assalamualaikum Ustaz,

Mohon pencerahan dari ustaz beberapa soalan di bawah :

- Bila seseorang meninggal dunia, adakah benar semua hartanya perlu dibekukan (freeze) iaitu tidak boleh dibuat apa-apa sehinggalah selesai urusan faraid, wasiat dan hibah?
- Bolehkah semua harta dihibahkan 100%? Iaitu tidak mahu difaraidkan.

- Bolehkah harta pusaka dibahagi-bahagikan tidak mengikut kadar yang ditentukan faraid, sekiranya semua waris bersetuju untuk membahagikan harta pusaka tersebut mengikut formula yang dipersetujui?

Terima kasih.
Hj Anfal bin Duralim

Jawapan:

Waalaikumussalam wbt.
Terima kasih di atas soalan yang diberikan.

a. Harta pusaka si mati tidaklah perlu dibekukan dalam erti kata sebenar. Ia boleh digunakan setakat yang sewajarnya bagi kelangsungan hidup waris-waris dengan persetujuan semua waris-waris lain. Tapi ia boleh menjadi beku sekiranya tidak diuruskan pembahagian oleh waris-waris. Dalam hal ini, sekiranya si mati mempunyai wang tunai yang ditinggalkan, waris-waris perlu menyelesaikan bayaran urusan jenazah (sekiranya si mati tiada khairat kematian). Kemudian jika ada sumber wang lain (contohnya wang dari akaun si mati yang dikeluarkan dari mesin ATM), waris-waris boleh gunakan untuk urusan peribadi setakat yang diperlukan sahaja (makan minum, perbelanjaan harian). Namun, pihak bank akan boleh membekukan akaun jika berlaku pengeluaran di mesin di ATM secara luar biasa. Jika ada harta si mati seperti takaful yang telah dinamakan isteri sebagai penerima hibah, isteri boleh ambil dan gunakan untuk keperluan harian dan faedah dirinya. Bagi harta-harta lain yang tidak boleh dikeluarkan atau dibahagikan, waris-waris perlu membuat urusan di mahkamah syariah untuk mendapatkan perintah faraid, wasiat atau hibah. Selepas itu, waris-waris perlu berurusan di Unit Pembahagian Pusaka, JKPTG / Amanahraya Berhad atau Mahkamah Tinggi Sivil untuk mendapatkan perintah pembahagian. Selepas perintah dikeluarkan, waris-waris perlu langsaihan segala hutang piutang si mati, laksanakan pembahagian wasiat dan bakinya dibahagikan secara faraid kepada waris-waris yang berhak.

- Pemilik harta boleh menghibahkan 100% hartanya semasa hidup jika ingin dihibahkan. Harta yang telah dihibahkan tidak menjadi harta pusaka selepas kematian si mati. Manakala faraid adalah kaedah pembahagian ke atas harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati.
- Harta pusaka yang ditinggalkan oleh si mati hendaklah dibahagikan secara faraid kepada waris-waris yang berhak. Namun, waris-waris boleh menggugurkan hak faraid mereka dengan cara waris-waris memberikan persetujuan atau disebut sebagai takharuj (menggugurkan bahagian asal) dan membahagikan mengikut apa yang dipersetujui. Namun, waris-waris perlulah mengetahui bahagian faraidnya terlebih dahulu.


Sekian, terima kasih. **Edisi**

SINOPSIS BAHAN BACAAN DAN RUJUKAN TERPILIH PERPUSTAKAAN WAKAF MAIS

MEMASUKI GERBANG PERKAHWINAN

CALL NO : 297.577
MKM

Buku ini mengandungi panduan khusus mengenai tanggungjawab dan hak suami isteri dalam membentuk keluarga bahagia dan penyayang. Ia juga ditambah dengan isu permasalahan semasa yang relevan dengan kehidupan berkeluarga iaitu ilmu pengurusan stress dan konflik. Buku ini sangat sesuai untuk bacaan suami isteri dan juga bakal pengantin.



PALESTIN TAK PERNAH GENTAR! : FATWA KONTEMPORARI DAN PENYELESAIANNYA

CALL NO : 320.54095 ZUL

Buku Palestin Tak Pernah Gentar! Fatwa Kontemporari Dan Penyelesaiannya ini dikemukakan supaya umat Islam dapat menyadari akan bahayanya gerakan Zionis dan betapa rakusnya mereka dalam misi memusnahkan Islam dan umatnya. Mereka begitu bernafsu untuk memperhambakan seluruh umat agar tunduk dan patuh kepada agenda mereka. Bahasa yang paling sesuai digunakan untuk mereka adalah perang dan jihad seperti mana yang diusulkan para ulama dan juga pemimpin Islam seperti mana kaedah disebut "Pedang hendaklah diselesaikan dengan pedang". Ini kerana makin dilarang, dikeji dan dicerca semakin menjadi-jadi tindakan kekejamannya. Semoga umat Islam bangkit begitu juga masyarakat dunia, bagi menyekat kezaliman Israel di muka bumi ini. Buku ini juga mendedahkan keadaan sebenar yang berlaku di Palestin. Ia membongkar sejarah, punca persengketaan antara 2 bangsa dan agama serta cadangan-cadangan penyelesaian yang dilihat dapat membantu meringankan penderitaan rakyat, khususnya yang berbangsa Palestin.




NOTA PENTING :

Untuk pertanyaan dan urusan pinjaman sila hubungi Encik Mohd Zharif, Eksekutif Perpustakaan Wakaf di talian 03-5510 8631 atau layari sendiri Katalog Online Perpustakaan Wakaf di <http://libmais.gov.my> untuk carian bahan yang lain.

MAKKAH AL-MUKARRAMAH: KELEBIHAN DAN SEJARAH

CALL NO : 297.352
ABA


Buku ini membawa penampilan tentang sejarah Makkah al-Mukarramah sebagai sebuah bandar paling lama dan bersejarah, kelebihan, pembangunan dan perkembangan semasa kota suci ini, sempadan tanah haram, tentang ibadah tawaf dan sa'i, syarat memasuki Makkah, telaga zamzam, sejarah dan maklumat struktur binaan Kaabah, Hajarul Aswad, Maqam Ibrahim, perkembangan Masjidil Haram, cara penyusunan saf di keliling Kaabah, lokasi ibadah haji, (al-Masy'a'ir) seperti Arafah, Mina dan Muzdalifah serta masjid-masjid dan tempat-tempat menarik penuh bersejarah di Makkah.



BAITUL MAQDIS : KESUCIAN YANG DIPERTAHANKAN

CALL NO :
297.35569 BAI

Buku ini menceritakan fakta sejarah dan maklumat berkaitan bangsa dan tamadun yang pernah berjuang bagi merebut bandar suci Baitul Maqdis ini. Ia juga menyingkap watak-watak yang pernah menjahat, menakluk, membuka dan mencatat kegemilangan Baitul Maqdis. Ia juga ada menerangkan tokoh-tokoh Islam yang pernah mengembalikan kegemilangan Islam di Baitul Maqdis.



HAJI MOHD. HANIF BIN HJ. ISMAIL

Ibnu Thufayl

Doktor dan Pakar Falsafah

Susunan oleh: Mohd Hafiz Bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)

Pengurus Penyelidikan, MAIS

Sumber: Ilmuwan Islam (2014)

Nama lengkap Ibnu Thufayl atau Tofail adalah Abu Bakar Muhammad bin Abdul Malik bin Muhammad bin Muhammad bin Ibnu Thufayl al-Qaysi. Beliau adalah salah satu keturunan suku Arab Kays yang terkemuka. Beliau sering juga disebut sebagai al-Andalusi atau al-Kurtubi al-Isybili. Ahli akademik Kristian menyebutnya sebagai Abubacer.

Ibnu Thufayl lahir pada dekad pertama abad ke-6 Hijrah/12 Masihi di Wadi-Ash, Guadix di sebelah timur laut Granada, Sepanyol. Tidak banyak yang dapat diungkapkan tentang pendidikan dan keluarganya. Kali pertama beliau menjadi doctor di Granada dan kemudian menjadi setiausaha Gabenor Daerah. Pada tahun 594 Hijrah/1154 Masihi, beliau menjadi Setiausaha Gabenor Ceuta dan Tangier, putera Abdul Mukmin pengasas dinasti al-Muwahhidun (Almohad). Beliau dilantik menjadi doktor kerajaan oleh pemerintah al-Muwahhidun ketika itu iaitu Sultan Abu Ya'kub Yusuf (558-580 Hijrah/1163-1184 Masihi).

Al-Bitruji salah seorang muridnya menggelar Ibnu Thufayl sebagai kadi. Beliau mempunyai pengaruh yang besar terhadap muridnya dan

banyak merekrut sarjana-sarjana ke istana. Ibnu Thufayl juga yang memperkenalkan Ibnu Rusyd muda kepada Sultan. Pakar sejarah Abdul Wahid al-Marrakushi memberi sebuah deskripsi mengenai pertemuan ini yang diketahui daripada Ibnu Rusyd sendiri. Pada kesempatan seperti inilah beliau menunjukkan pengetahuannya yang luas tentang masalah-masalah kefalsafahan. Ibnu Thufayl juga atas saranan pemerintah menasihatkan dan memberi semangat bahkan mendesak Ibnu Rusyd untuk menulis komentar-komentarnya tentang karya-karya Aristotle.

Pada tahun 578 Hijrah/1182 Masihi, Ibnu Thufayl telah digantikan oleh Ibnu Rusyd sebagai doktor peribadi pemerintah berdasarkan usianya yang telah lanjut. Ibnu Thufayl telah meninggal dunia pada tahun 581 Hijrah/1185 Masihi di Maghribi dan Sultan juga hadir bagi upacara pemakamannya.

Karya yang dihasilkan Ibnu Thufayl diketahui tidak banyak jumlahnya namun karangannya *Hayy Ibnu Yaqzan* sebuah novel falsafah yang terkenal merupakan salah satu di antara buku-buku yang paling cemerlang



pada abad-abad pertengahan. Dalam buku tersebut, Ibnu Thufayl berusaha membuktikan kebenaran tesis kesatuan kebijaksanaan rasional dan mistis melalui kisah fiksyen. Melalui kisah tersebut, beliau ingin memberikan penyelesaian terhadap permasalahan yang ditimbulkan oleh "pertentangan" antara falsafah dan agama, akal dan iman. Selain itu, beliau juga telah menulis dua buah naskah tentang ilmu kedoktoran yang banyak hubungannya dengan kedoktoran Ibnu Rusyd iaitu *Al-Kulliyat*.

Ibnu Thufayl, menurut astronom al-Bitruji serta Ibnu Rusyd dalam komentarnya terhadap *Aristoteles, Metaphysics* juga mempunyai banyak gagasan di bidang astronomi dan ternyata juga banyak memberi pengaruh kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh al-Bitruji untuk menyanggah dan sekaligus membuktikan kekeliruan teori Ptolemaios lingkaran-lingkaran *epicycles and excentris*.

Pemikiran Ibnu Tufayl banyak mempengaruhi Ibnu Rushd (*Averroes*). Ibnu Rushd juga dikenal sebagai salah seorang murid Ibnu Tufayl yang paling berjaya bahkan menurut catatan sejarah, astronomer Nur Ed-Din Al-Bet juga sempat menimba ilmu dari Ibnu Tufayl bahawa Ibnu Rushd adalah murid kesayangan Ibnu Tufayl. Justeru beliau telah mengumumkan Ibnu Rushd sebagai pengganti apabila ketiadaannya.

Banyak karya yang telah ditulis Ibnu Thufayl dengan diantaranya seperti *Muraja'at wa Mabahits* (Pembahasan), *Arjuza fi at-Thib* sepanjang 7700 bait, *Risalah Hayy Ibnu Yaqzan Fi Asrar Al-Hikmah Al-Masyriqiyyah*, *Asrar Al-Hikmah Al-Masyriqiyyah* (Rahsia Ketimuran) - ringkasan dari buku *Hayy Ibnu Yaqzan*. **Edisi**



PERKHIDMATAN PENGURUSAN HARTA PUSAKA



MAIS BERKEPAKARAN MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN HARTA PUSAKA ORANG ISLAM SELARAS HUKUM SYARAK.

Perkhidmatan Yang Ditawarkan Adalah Seperti Berikut:

- 1) Runding Cara Pengurusan Harta Pusaka
- 2) Ceramah, Kursus dan Seminar Pengurusan Harta
- 3) Penebusan Harta Pusaka Bahagian Baitulmal
- 4) Penjualan Harta Pusaka Bahagian Baitulmal
- 5) Pengurusan Pembahagian Harta Pusaka
- 6) Tuntutan Harta Pusaka Bahagian Baitulmal Kepada Agensi Berkaitan
- 7) Terimaan Pelbagai Harta Alih dan Tak Alih

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sedang mencari penama seperti di bawah untuk menyelesaikan masalah tanah pusaka yang telah lama tertangguh :-

- 1) Allahyarhamah Insun binti Kuning atau waris-warisnya.
Alamat terakhir : Kampung Sungai Tua, Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.
Rujukan MAIS : GBK/145.

Sekiranya ada maklumat berkaitan semua penama di atas sila hubungi pihak kami di alamat :

**UNIT FARAIID, BAHAGIAN HARTA BAITULMAL,
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR,
TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA,
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,
40000 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL : 03-55143763/03-55143772
EMAIL : khair@mais.gov.my**

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi pihak kami di alamat:



UNIT FARAIID

BAHAGIAN HARTA BAITULMAL, MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA, BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN



03-55143763/03-55143772/
03-55143400 sambungan 2195



pro@mais.gov.my



MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

Baitulmal Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sedang mencari penama-penama seperti di bawah untuk menyelesaikan masalah tanah pusaka yang telah lama tertangguh :-

- 1) AMIRA BT AMRAN
- 2) ENN BT AMRAN
- 3) JOFRI BIN AMRAN
- 4) MAHDZURA BT AMRAN
- 5) MOHD FAUZAN BIN AMRAN
- 6) NOR A'SHIKIN BT AMRAN
- 7) NOREHAN BT AMRAN
- 8) RANITA BT AMRAN
- 9) RASHIMAH BTE MOHD YUSOF
- 10) RAUDHAH BT AMRAN
- 11) SAIFOL BAHRI BIN AMRAN

Alamat terakhir : Kampung Dusun Tua, Hulu Langat,
Selangor Darul Ehsan.
Rujukan MAIS : 600-2/4/5 & 600-2/4/6.

Sekiranya ada maklumat berkaitan semua penama di atas sila hubungi pihak kami di alamat :

**UNIT FARAIID, BAHAGIAN HARTA BAITULMAL,
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR,
TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA,
BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,
40000 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL : 03-55143763/03-55143772
EMAIL : khair@mais.gov.my**



MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
• PENCETUS MINDA GENERASI •

TIPS KEJAYAAN DA'I ADAM
JUARA DA'I PENDAKWAH
NUSANTARA MUSIM KE 6

LIHAT MUKA SURAT 15



**TAKSIR & TUNAIKAN ZAKAT
ANDA BERSAMA KELUARGA
@ 27 CAWANGAN ZAKAT
SELURUH SELANGOR**

01 NOVEMBER 2019 - 31 DISEMBER 2019



Cara penyertaan

1. Taksir & tunaikan zakat anda di kaunter zakat Selangor
2. Imbas QR kod
3. Jawab 2 soalan mudah

**Hadiah istimewa
menanti anda**



1X

Hadiyah Utama:
**Samsung
Galaxy A50s**



1X
Hadiyah Kedua:
**Samsung
Galaxy A30s**



25X
Hadiyah Saguhati:
**Pineng
Powerbank
(20,000 mAh)**